KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	HARIAN METRO			
TARIKH	10.03.22	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	TNB			

Bekalan elektrik dua premis judi dipotong

Kajang: Polis dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) memotong bekalan elektrik dua premis di daerah ini yang dikesan menjalankan kegiatan perjudian.

Pemotongan itu dibuat dalam operasi semalam, membabitkan pasukan Bahagia Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kajang dan pegawai TNB Cheras.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kajang Supritendan Mohd Nasir Drahman berkata, kedua-dua premis terletak di Taman Indah dan Taman Segar Perdana.

"Kita melakukan serbuan di 43 premis yang disyaki menjalankan perjudian mengikut Akta Rumah Judi Terbuka 1953, dalam tempoh Januari hingga Februari lalu.

"Daripada jumlah itu sebanyak 26 sudah didakwa dan memohon pemotongan bekalan elektrik kepada TNB," katanya.

Mohd Nasir berkata, premis yang diserbu adalah rumah kedai yang dipercayai disewa oleh sindiket judi bagi menjalankan aktiviti haram.

"Pemilik premis yang mahu melakukan penyambungan semula elektrik perlu mendapatkan kebenaran polis terlebih dahulu.

"Operasi ini akan terus dilaksana untuk memerangi kegiatan judi haram di Kajang," katanya.

Polis serbu 43 premis disyaki menjalankan perjudian